

17 MAY 1998

Sudan (Analisis Berita)

MENGENALI SUDAN DAN HUBUNGAN MALAYSIA

Oleh: Azman Ujang

KHARTOUM, 17 Mei (Bernama) -- Bagi dunia luar, Sudan adalah sebuah negara yang sukar difaham.

Tanggapan mengenai negara Afrika tengah ini hanya berkisar kepada perang saudara yang berterusan yang mengancam memusnahkan negara itu di atas asas Utara-Selatan.

Selain dari itu tidak banyak yang diketahui, ataupun bagi rangkaian televisyen antarabangsa, tidak banyak yang perlu dilaporkan kecuali kelaparan yang berlaku sekali sekali di satu bahagian kecil negara terbesar Afrika ini yang 11 kali ganda besar dari Britain.

Dan Amerika Syarikat, kerana mengira Sudan bukanlah sebuah negara yang dapat memenuhi "kepentingan strategiknya", menokok tambah kepada tanggapan pemencilan Sudan ini dengan mengenakan sekatan dagangan disebabkan apa yang disifatkan oleh seorang menterinya sebagai "tuduhan melindungi penganas yang tidak berasas".

Walaupun pada hakikatnya Sudan ialah juga sebuah negara piramid, di mana raja-raja yang memerintah beribu tahun dahulu disemadikan, ia tidak menarik minat antarabangsa, tidak seperti negara jirannya, Mesir, di mana ciri itu dimasukkan ke dalam senarai apa yang dipanggil Tujuh Keajaiban Dunia.

Tetapi bagi Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, lawatannya ke Sudan adalah seperti mengenali negara yang mana beliau telah dengar banyak cerita yang "menakutkan".

"Saya agak terkejut dengan perbezaan dengan apa yang telah saya dengar dan baca dari media antarabangsa. Sudan aman damai, Saya tidak lihat rakyat mati kerana kelaparan dan masalah negara itu diselesaikan dengan bijak," kata Dr Mahathir sebelum mengakhiri lawatan tiga harinya sejak Jumaat.

"Ia tidaklah seteruk seperti apa yang dicanangkan oleh CNN dan BBC," katanya, sambil Presiden Sudan Omar Hassan Ahmed El Bashir, yang juga hadir pada sidang akhbar itu tersenyum dan mengangguk setuju.

Dr Mahathir, yang mengkotakan apa yang dikatakannya dalam usaha gigihnya untuk kerjasama Selatan-Selatan, memberi markah penuh kepada kerajaan Sudan kerana membuka negara itu untuk pelabur-pelabur asing.

Dalam hanya beberapa tahun beliau secara senyap-senyap menjadikan Malaysia pelabur asing yang kedua terbesar di Sudan selepas China, dengan pelaburan dalam bidang-bidang industri minyak dan juga pelancongan, yang sedikit masa lagi akan menukar wajah negara ini yang mempunyai jumlah penduduk seramai 28 juta.

Petronas, perbadanan minyak Malaysia, dalam masa dua tahun lepas, menyuntik sebanyak AS\$200 juta ke dalam ekonomi Sudan dalam projek usahasama dengan tiga pihak yang lain membangunkan kawasan minyaknya.

Simpanan minyak berjumlah sehingga 660 tong telah ditemui dan simpanan itu dijangka meningkat sebanyak 600 juta tong lagi.

Berasaskan kepada kepentingannya sebanyak 30 peratus dalam usahasama itu, yang dijangka membolehkan Sudan mengesport minyaknya buat pertama kali pada Jun tahun depan, Petronas akan menambahkan simpanan minyak Malaysia sebanyak lebih dari 370,000 tong lagi.

Presiden dan ketua eksekutif Petronas, Tan Sri Hassan Marican, yang gembira kerana syarikatnya itu mencapai kejayaan di Sudan dalam masa yang singkat, memberitahu wartawan Malaysia ia akan menyuntik AS\$400 juta lagi ke dalam projek itu.

Para jurutera dan pekerja-pekerja Petronas, bersama dengan yang lain

dari rakan kongsi usahasama itu - China National Petroleum Corporation, Perbadanan Petroleum Negara Kanada dan Sudapet, syarikat minyak negara Sudan, terlibat dalam memasang saluran minyak sepanjang 1,500km merentasi padang pasir ke Port Sudan di Laut Merah, di mana minyak eksport itu akan dipunggah ke kapal.

Menteri Penerangan dan Kebudayaan Sudan Dr Ghazi Salahuddin, yang berpendidikan barat, menyifatkan lawatan Dr Mahathir sebagai luar biasa pentingnya untuk negaranya, memandangkan pengaruh dan kedudukan Perdana Menteri diperingkat antarabangsa.

"Dr Mahathir ialah pemimpin asing yang paling terkenal di kalangan rakyat Sudan. Ucapan-ucapannya yang berani dan merangsangkan dilaporkan dengan luas terutamanya oleh stesen-stesen radio di negara ini. Lawatannya adalah satu penghormatan kepada keseluruhan rakyat Sudan," beliau memberitahu wartawan Malaysia yang mengunjunginya di kediamannya di sini semalam.

Dr Mahathir yakin dengan Sudan dan beberapa kali bercakap mengenai kemungkinan Malaysia mendapatkan produk-produk pertanian terutamanya daging lembu yang berkualiti tinggi dan buah-buahan dari negara itu. Dan ahli-ahli perniagaan yang mengikuti beliau pada lawatan kali ini sedang membuat beberapa urusan mengenai itu dan juga menyertai sektor-sektor ekonomi yang lain.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Dr Salahuddin, Sudan ialah salah satu di antara gergasi dunia dari segi pertanian dan Nile Biru dan Nile Putih bertemu di Khartoum. Lagi pula Sudan berkedudukan paling baik kerana berkongsi sempadan dengan sembilan negara Afrika yang lain, memberi laluan yang strategik untuk barangan Malaysia ke benua besar ini.

Terdapat cahaya harapan diperingkat antarabangsa bagi Sudan, kata Dr Salahuddin, 48, yang juga seorang doktor perubatan seperti Dr Mahathir.

Beliau mendapat pendidikan di Surrey, England, ialah bekas menteri luar dan sehingga baru-baru ini memegang jawatan paling berkuasa sebagai setiausaha agung parti Kongres Nasional yang memerintah.

Beliau berkata masalah Sudan dengan AS sedang ditangani melalui satu dialog yang sedang berlangsung.

"Kami mahu satu hubungan yang produktif dengan AS. Masalah yang wujud hanyalah dari segi sikap (attitude). Kerana sistem AS adalah terbuka. dasar asingnya kepada negara-negara lain kerap kali dipengaruhi oleh pendapat minoriti dan pendapat pelobi-pelobi ekstremis," katanya.

Apabila diminta mengulas lanjut, beliau berkata Washington telah menuduh Khartoum memberi perlindungan kepada para pejuang Mujahideens, contohnya, tetapi, mereka inilah yang dibuat sekutu oleh AS apabila bekas Soviet menduduki Afghanistan.

Menurut Dr Salahuddin, Sudan sebenarnya adalah sebuah negara yang paling selamat untuk didiami, rakyatnya mesra sekali dan ini disebabkan oleh Undang-undang Islam yang diperkenalkan pada tahun 1991.

Mengambil pengambilan alkohol sebagai contoh, beliau bercakap mengenai bagaimana Sudan menggunakan Undang-undang Islam di dalam negara yang 75 peratus penduduknya beragama Islam, manakala yang lainnya Kristian dan animisme.

"Oleh kerana pengambilan alkohol dibenarkan dalam agama Kristian, ia bukan satu kesalahan bagi orang Kristian, tetapi bagi mencuri dan merompak, ia adalah satu kesalahan dalam semua agama. Oleh itu kami ada fleksibiliti sedemikian.

"Di Sudan, kejadian merompak orang asing hampir tidak pernah berlaku," katanya.

Tetapi sekarang Sudan berada diambang keamanan yang berkekalan dengan Perjanjian Damai yang ditandatangani tahun lepas untuk menamatkan perang saudara dan Perlembagaan baru yang diwujudkan yang akan menjamin kebebasan

dan demokrasi, termasuk pilihan raya pelbagai parti.

"Lawatan Dr Mahathir tepat pada masanya. Ia meningkatkan kredibiliti Sudan dan apabila Perlembagaan baru diperkenalkan bulan depan, anda akan dapat melihat Sudan yang baru," kata Dr Salahuddin dengan penuh keyakinan.

-- BERNAMA

AU WAT